

# Peristiwa 11 Sept: Malaysia tidak boleh dipersalahkan

UM 6 JAN 2002

PUTRAJAYA 5 Jan. — Malaysia tidak boleh dipersalahkan sebagai penyebab "Peristiwa 11 September" di Amerika Syarikat kerana tidak mengambil tindakan awal menahan dua pengganas yang disyaki **terbabit**, semasa mereka berada di **negara ini**.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, **ini** kerana niereka memasuki negara **ini** sebagai pelancong.

Dalam situasi seperti **ini**, **kata**nya, adalah sukar bagi pihak **berkuasa** negara **ini** mengenal **pasti** mereka sebagai pengganas.

Sehubungan itu beliau **menganggap** pihak yang melemparkan **tuduhan** bahawa Malaysia tidak **berbuat apa-apa** untuk menahan dua pengganas terbabit sebagai "**hendak** mencari masalah **denean kerajaan**".

"Kadang-kadang, orang datang ke **sini** sebagai **pelancong**. **Takkanlah** kita **nak tanya dia...awak** pengganas ke dan takkan dia **nak jawab**, saya pengganas. **Tentu** tidak.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri **rumah terbuka** Aidilfitri anjuran Wisma Putra di **sini** hari **ini**.

Perdana Menteri mengulas berita yang disiarkan oleh *Berita Harian* Singapura dua hari lalu, yang **memetik** laporan majalah *June's Intelligence Review* bahawa serangan terhadap **Pusat Dagangan Dunia** (WTC) di New York dan Pentagon di Washington, boleh dielakkan jika Malaysia menangkap kedua-dua pengganas terbabit ketika mereka berada di **negara ini**.

Dua lelaki itu, Khalid al-Mihdhar dan Nawaf Al-Hazmi, yang **dikatakan** terbabit dalam serangan itu, **dikesan** berada di **negara ini** sebagai pelancong antara 5 hingga 8 **Januari** 2000.

Seorang lagi pengganas, Zacarias Moussaoui yang sedang menunggu perbicaraan kerana dikaitkan **dengan** serangan itu, dilaporkan turut berada di Malaysia sebagai **pelancong** dari 8 hingga 15 **September** 2000.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, **mana-mana** negara **sebenarnya** pun boleh digunakan sebagai sarang pengganas.

Tambahan pula pengganas bukan **mudah** dikenali kerana mereka **mingkin** 'ternampak' macam rakyat biasa.

Juster-u, tegas beliau, jika **ada**

rakyat asing datang ke **negara ini**, kerajaan akan tetap menganggap mereka sebagai pelancong kecuali jika **ada** **bnkti** kukuh **mengaitkannya** sebagai pengganas.

"Jika itu terbukti, maka kita boleh ambil tindakan," katanya.

Dalam hubungan ini, kata Perdana Menteri, pihak berkuasa Malaysia akan meneruskan usaha **memburu** saki-baki anggota kumpulan militan KMM selepas penangkapan 13 ahli sayap **baru** kumpulan itu dari 9 Disember hingga 3 Januari lalu di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Ini kerana walaupun mereka **belum** membuat sesuatu yang **mencecutkan** kacau bilau dalam negara, kerajaan perlu mengambil langkah berjaga-jaga.

"Kita tahu di Indonesia, mereka telah meletupkan bom. Kalau dia boleh letupkan bom di sana, (**bermakna**) dia boleh letupkan bom di **sini**," katanya.

Mengulas penahanan 13 ahli kumpulan militan KMM itu, Dr. Mahathir berkata, polis **pasti** telah memperoleh bukti **cukup** sebelum menangkap mereka.